

OPTICIN 1% w/w VISCOUS EYE DROPS

Fusidic Acid (10mg/g)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah Kegunaan OPTICIN
2. Bagaimana OPTICIN berfungsi
3. Sebelum menggunakan OPTICIN
4. Cara menggunakan OPTICIN
5. Semasa menggunakan OPTICIN
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan OPTICIN
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini
11. Nombor siri

Apakah Kegunaan OPTICIN

OPTICIN digunakan untuk jangkitan mata yang disebabkan oleh bakteria dalam konjunktivitis (keradangan putih mata atau dikenali sebagai "mata merah"), blepharitis (keradangan kelopak mata), sty (benjolan di tepi bahagian atas atau bawah kelopak mata), keratitis (keradangan kornea, iaitu kawasan jernih di bahagian tengah mata), dacryocystitis (keradangan kantung air mata) dan berkaitan dengan penyingkiran benda asing.

Bagaimana OPTICIN berfungsi

OPTICIN berfungsi dengan membunuh kuman (bakteria) yang menyebabkan jangkitan.

Sebelum menggunakan OPTICIN

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan OPTICIN

- Jika anda alergic (hipersensitif) terhadap asid fusidik, atau mana-mana bahan lain dalam ubat anda. Anda boleh mendapat senarai bahan-bahan ini di dalam bahagian maklumat lanjut risalah ini.

- Sebelum menggunakan OPTICIN

Kehamilan dan menyusukan anak

Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan OPTICIN:

- Jika anda hamil, atau berfikir anda hamil
- Jika anda menyusukan anak

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil, atau baru-baru mengambil sebarang ubat-ubatan lain. Ini termasuk sebarang ubat-ubatan yang anda telah beli tanpa preskripsi.


Cara menggunakan OPTICIN

- Berapa banyak perlu digunakan

Sentiasa gunakan OPTICIN dengan tepat seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Anda patut menyemak dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

Ubat ini hanya untuk kegunaan mata anda. Jangan telan titisan air. Jangan masukkan titisan ubat ke dalam badan atau telinga anda.

Sentiasa basuh tangan anda sebelum mengguna OPTICIN. Jangan gunakan jika meterai penutup telah rosak. Gambarajah ini akan membantu menunjukkan cara menggunakan ubat. Ia mungkin berguna untuk melihat dalam cermin.



Hanya tanggalkan penutup tiub apabila anda sudah bersedia untuk menggunakan ubat. Adalah penting hujung tiub (tip) tidak menyentuh mata anda.

Dongakkan kepala anda ke belakang. Tarik kelopak mata bawah anda ke bawah dengan perlahan-lahan. Pegang tiub di atas mata anda dan pandang ke atas. Picit satu titis ke kelopak mata bawah anda. Titisan itu akan keluar sebagai titisan yang pekat. Ia akan menjadi lebih cair dalam mata anda dan anda masih dapat melihat dengan jelas.

Selepas menggunakan ubat anda, anda mungkin akan melihat serbuk putih di sekeliling mata anda. Ini boleh berlaku apabila titisan air menjadi kering. Ini adalah perkara biasa dan tidak membimbangkan. Anda boleh mengelap serbuk itu dengan kapas.

Jika ubat itu adalah untuk kanak-kanak, anda boleh menitis air di mata mereka semasa mereka tidur atau berbaring jika ia adalah lebih mudah.

Doktor anda akan memberitahu anda berapa banyak titisan digunakan, atau diberikan kepada anak anda. Untuk membantu mengingatkan anda untuk menggunakan ubat anda, anda boleh menggunakannya apabila anda melakukan satu tindakan yang tetap, seperti memberus gigi anda.

Orang dewasa, orang tua dan kanak-kanak:

Dos yang biasa adalah satu titisan air dua kali setiap hari, pada waktu pagi dan petang. Rawatan perlu diteruskan sekurang-kurangnya dua hari selepas mata kelihatan normal

- Bila perlu digunakan

Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Adalah sangat penting untuk menghabiskan semua ubat yang telah diarahkan oleh doktor anda. Anda mesti menggunakan ubat anda sekurang-kurangnya 2 hari selepas anda berasa lebih baik dan mata anda kelihatan normal. Anda mesti membuat demikian kerana jika tidak jangkitan mata mungkin akan Kembali berulang.

- Jika anda terlupa menggunakan ubat

Jika anda terlupa menggunakan ubat anda, gunakan ubat sebaik sahaja anda teringat. Kemudian, teruskan penggunaan ubat anda pada masa biasa.

Jika anda mempunyai sebarang soalan lanjut tentang penggunaan ubat ini, sila bertanya kepada doktor atau ahli farmasi anda.

OPTICIN 1% w/w VISCOUS EYE DROPS

Fusidic Acid (10mg/g)

- Jika anda menggunakan terlalu banyak (terlebih dos)

Jika anda secara tidak sengaja menitis terlalu banyak titisan dalam mata atau tertelan sedikit titisan air mata, ia tidak akan menyebabkan apa-apa kemudaratan. Jika anda tertelan titisan yang lebih besar kuantitinya atau anda berasa bimbang, hubungi doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapat nasihat.

Semasa menggunakan OPTICIN

- Perkara yang perlu dilakukan

Gunakan ubat tepat seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Beritahu doktor anda jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh anda lakukan

Jangan memakai sebarang jenis kanta lekap semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

OPTICIN mengandungi:

• *Benzalkonium chloride*. Ini adalah pengawet. Ia mungkin menyebabkan kerengsaan mata.

Sila tanya doktor anda jika anda rasa bimbang terhadap mana-mana bahan dalam ubat ini.

Memandu dan menggunakan mesin
Selepas penggunaan ubat anda, penglihatan kabur yang singkat mungkin berlaku.

Jangan memandu atau mengendalikan mesin sehingga penglihatan adalah jelas.

Semak dengan doktor anda jika anda merasa sebarang kesan sampingan yang mungkin menghalang anda daripada memandu atau mengendalikan mesin.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, OPTICIN boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kepedihan mata secara sementara mungkin berlaku. OPTICIN mempunyai potensi alahan yang sangat rendah.

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius atau anda notis mana-mana kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini, beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau reaksi ubat yang teruk secara langsung kepada National Centre for Adverse Drug Reaction Monitoring dengan melayani laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF)] atau Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan OPTICIN

- Penyimpanan

Jauhkan dari jangkauan dan pandangan kanak-kanak. Simpan di bawah suhu 30°C. Sebaik sahaja tiub dibuka, produk ini harus digunakan dalam 15 hari.

Gunakannya mengikut tarikh luput

Jangan gunakan OPTICIN selepas tarikh luput seperti yang dinyatakan pada pek.

Jangan gunakan OPTICIN jika anda notis sebarang kerosakan pada produk dan/atau peknya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak boleh dibuang melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda bagaimana melupuskan ubat-ubatan yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

OPTICIN ialah larutan likat, homogen berwarna putih atau putih pudar dibungkus di dalam tiub

lamina (*polyfoil*) dengan penutup HDPE.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

Setiap gram mengandungi 10.18mg *fusidic acid hemihydrate* setara dengan 10 mg *fusidic acid* sebagai bahan aktif.

Bahan tidak aktif:

Benzalkonium chloride, mannitol, disodium edetate, carbomer (974 P), sodium hydroxide, purified water.

- Nombor MAL

MAL xxxx

Pengilang

DEVA Holding Anonim Sirketi
Çerkezköy Organize Sanayi Bölgesi
Karaağaç Mah. Atatürk Cad.,
No: 32
Kapaklı –
TEKİRDAĞ/TURKEY

Pemegang Pendaftaran Produk

InstaMed Asia Sdn Bhd.
108 Block E, Phileo Damansara 1,
No. 9, Jalan 16/11,
46350 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia.

Tarikh semakan

18.12.2024

Nombor siri

NPRA (R2) 24/102